



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 3 MAC 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	POLA CUACA BURUK ANCAM SEKTOR PERTANIAN - MOHAMAD, NASIONAL, SH -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KAJIAN HASIL VARIETI PADI BERKUALITI, NASIONAL, BH -2	
3.	KUALITI BENIH PADI SAH PEMBEKAL SWASTA DIPERSOAL, NASIONAL, BH -2	
4.	BERAS PUTIH TEMPATAN 10kg MULA MASUK PASARAN TERENGGANU, NASIONAL, BH -5	
5.	'TIBA MASA KERAJAAN TUBUH ENTITI BAHARU', NASIONAL, BH -5	
6.	HARGA RM2.60 SEKILOGRAM SUDAH TIDAK RELEVAN, DALAM NEGERI, UM -8	
7.	PERLIS MAMPU LONJAK HASIL PADI HINGGA 30 PERATUS SEMUSIM, DALAM NEGERI, UM -8	
8.	BEKAL BENIH HAMPASI, LOKAL, HM -16	
9.	TUBUH MAPEN ATASI ISU BERAS BPT CAMPUR BPI, LOKAL, HM -16	
10.	BERAS PUTIH TEMPATAN MASIH TIADA DI PASARAN, NASIONAL, SH -10	
11.	SUKAR DIPEROLEH SEJAK HUJUNG TAHUN LALU, NASIONAL, SH -10	
12.	PENIAGA TUNGGU BEKALAN, NASIONAL, SH -10	
13.	PN BUAT LAPORAN POLIS ISU CAMPUR BERAS PUTIH, NASIONAL, SH -10	
14.	BEKALAN BERAS SUBSIDI MULA TIBA DI TERENGGANU, NASIONAL, SH -11	
15.	SUBSIDISED WHITE RICE AVAILABLE IN TERENGGANU, NEWS, NST -7	
16.	REGIONAL COOPERATION TO BRACE FOR RICE SUPPLY UNCERTAINTY, NATION, THE STAR -4	
17.	LEMANG NAIK HARGA AKIBAT SANTAN MAHAL, NASIONAL, BH -5	LAIN-LAIN
18.	EGGS APLENTY, BUT THEY CAN BE COSTLY FOR MANY, NATION, THE STAR -9	
19.	SATU TAN IKAN BANDARAYA DITANGKAP DALAM SEJAM, NASIONAL, BH -14	
20.	HASILKAN PRODUK BERASASKAN KELAPA, BISNES, SH -31	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

Pola cuaca buruk ancam sektor pertanian - Mohamad

PHNOM PENH - Perubahan iklim semakin mengancam keterjaminan makanan Malaysia, dengan corak cuaca tidak menentu dan peningkatan suhu global menjejaskan sektor pertanian.

Ketika pengeluaran makanan dalam negara berdepan risiko yang semakin meningkat,

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menegaskan, Malaysia serta rantau ini kekal terdedah kepada ancaman perubahan iklim, sekali gus memerlukan kerjasama serantau bagi menangani kemungkinan kekurangan bekalan makanan.

"Kita mempunyai stok beras yang mencukupi untuk sekurang-kurangnya enam bulan. Tetapi kita tidak tahu apa yang akan



MOHAMAD

berlaku akibat perubahan iklim, jadi keterjaminan makanan adalah penting.

"Kita perlu bekerjasama dengan negara lain di rantau ini. Pengeluaran padi kita sebelum ini ialah 71 peratus tetapi kini hanya 56 peratus.

"Kira-kira 20,000 hektar sawah padi telah ditukar kepada projek perumahan dan generasi muda enggan bekerja di sawah kerana pendapatan yang rendah," katanya kepada *Bernama*.

Mohamad Sabu mengadakan lawatan dua hari ke negara itu pada akhir Februari bagi mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya, Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Kemboja Dith Tina.

Antara topik utama yang di-

bincangkan termasuk keterjaminan makanan, import beras (terutama beras wangi), akuakultur, perikanan serta kerjasama dalam sektor pertanian.

Eksport beras Kemboja tahun lepas berjumlah 651,522 tan, dengan lebih 100,000 tan metrik dihantar ke China manakala negara ASEAN memperoleh hampir 130,000 tan metrik.

Negara itu mengeksport pelbagai jenis beras, termasuk beras wangi, beras putih, beras *parboiled* serta beras organik, dengan jenis beras wangi panjang *Sen Kro Ob* yang terkenal di peringkat global.

Malaysia mengimport kira-kira 50,000 tan metrik beras wangi dari Kemboja, sebagai sebahagian daripada 30 peratus atau 700,000 tan metrik jumlah import beras yang diperlukan untuk memenuhi keperluan negara yang hampir 2.5 juta tan metrik.

Kajian hasil varieti padi berkualiti

Alor Setar: Kerajaan negeri sedang menjalankan kajian bagi menghasilkan varieti padi baru yang lebih berkualiti dalam usaha meningkatkan pengeluaran beras negeri ini.

EXCO Pertanian, Perlindungan dan Pengangkutan negeri, Dzowahir Ab Ghani, berkata kajian ke atas benih baharu berkenaan bagi memastikan ia dapat digunakan petani di seluruh negeri ini selepas benih sedia

ada, iaitu varieti MR297 sudah terlalu lama dan tidak sesuai lagi digunakan.

Beras Kedah dijangka

Katanya, beras Kedah dijangka dapat dihasilkan pada 2026 selepas kajian varieti benih padi baharu itu selesai.

"Kajian ini dilaksanakan dengan kerjasama universiti tempatan, agensi kerajaan serta pemain industri bagi memastikan

varieti terbaik dapat dihasilkan.

"Satu tapak kajian seluas 20.2 hektar di Tobiar, Pendang telah dipilih bagi menjalankan ujian ke atas varieti padi yang berpotensi.

"Kawasan ini dipilih kerana ia adalah tanah bendang yang kurang subur, sekali gus menjadi penanda aras bagi daya tahan varieti baharu yang diusahakan," katanya ketika dihubungi.

Kualiti benih padi sah pembekal swasta dipersoal

Pesawah di Kedah dakwa kadar percambahan hanya sekitar 75 peratus

Oleh Nourazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Jerlut: Kualiti benih padi sah dikeluarkan pembekal swasta yang diagihkan kepada pesawah di negeri ini dipersoalkan kerana kadar percambahan yang rendah.

Benih padi berkenaan dikeluarkan pihak pembekal di bawah Skim Pengesahan Benih Padi Sah Jabatan Pertanian serta bersubsidi.

Pengerusi Badan Bertindak Petani, Che Ani Mat Zain, berkata kadar percambahan benih padi hanya sekitar 75 peratus menyebabkan pesawah terpaksa menambah benih padi, sekali gus menyebabkan kos tambahan kepada petani.

Katanya varieti benih padi yang didakwa kurang berkualiti itu ialah MR297, IS21, MR315, MR263 dan MR269.

Beliau mendakwa, benih padi sah berkualiti rendah itu berlaku sejak enam tahun lalu.

"Pesawah terpaksa menambah satu gumi benih tambahan (20 kilogram) bagi setiap relung (0.29 hektar) untuk menggantikan kira-kira 25 peratus benih rosak dalam setiap gumi yang tidak bercambah.

"Kami juga perlu membeli baja dan vitamin tambahan di samping baja subsidi kerajaan bagi memastikan hasil tuai mele-

bihi lima tan sehektar," katanya ketika dihubungi BH semalam.

Difahamkan, setiap hektar pesawah memerlukan sembilan beg benih padi yang setiap satu beratnya 20 kilogram yang dibeli pada harga subsidi RM37.40.

Kerajaan memberikan subsidi RM20.60 bagi setiap beg benih padi seberat 20kg.

"Jika dulu apabila ditabur, 85 peratus benih akan menjadi, sekarang sekitar 75 peratus sahaja, sukar mendapat sehingga 85 peratus, percambahan kurang berlaku," katanya.

Tantuan keza pembekal

Che Ani berkata, justeru, kerajaan perlu mengkaji semula kaedah penghasilan

dan memantau benih padi sah yang dikeluarkan oleh pembekal swasta supaya skim itu tidak hanya menguntungkan pembekal sedangkan pesawah perlu membeli dengan kuantiti yang banyak.

Katanya, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta Jabatan Pertanian perlu membuat pemantauan ketat terhadap pembekal supaya kualiti tidak dikompromikan.

"Bukan setakat kaji tapi perbetulkan semula rantaian ini, pembekal kena patuh syarat ditetapkan MARDI dan Jabatan Pertanian, pembekal ini perlu diawasi.

"Situasi ini berbeza berbanding ketika benih dikeluarkan Jabatan Pertanian dan MARDI suatu ketika dahulu," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Perhubungan Persaudaraan Pesawah

Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob, berkata sudah tiba masanya kerajaan melakukan reformasi skim benih padi sah kerana kualitinya semakin merosot.

"Kerajaan memberi subsidi RM20.60 bagi setiap gumi 20kg yang disalurkan oleh pembekal swasta, tetapi petani menerima benih berkualiti rendah daripada mereka," katanya.

Rashid mendakwa pihaknya sudah membangkitkan isu ini kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sejak empat tahun lalu, tetapi maulum balas diterima kurang memberangsangkan.

Sebelum ini, media melaporkan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai berkata kerajaan sedia mendengar keluhan pesawah berhubung isu benih padi dan baja yang dikatakan kurang berkualiti hingga memberi kesan kepada hasil padi.

Perdana Menteri berkata, bagi tujuan itu beliau mengarahkan KPKM mengadakan perbincangan bersama pihak berkaitan termasuk pesawah bagi mencari penyelesaian berhubung perkara itu.

"Ada orang cadangan supaya gunakan benih padi digunakan di Sekinchan, Selangor tetapi kajian menyatakan benih itu tidak sesuai untuk tanah di Kedah.

"Di Vietnam, benih digunakan di selatan negara itu tidak sama dengan benih ditanam di utara. Jadi, saya minta kementerian untuk bincang dan dengar rungutan pesawah ini untuk kenal pasti benih yang sesuai dengan tanah di kawasan mereka," katanya.



Che Ani Mat Zain

Beras putih tempatan 10kg mula masuk pasaran Terengganu



Pegawai Kawal Selia Padi dan Beras meninjau bekalan beras putih tempatan di kedai runcit Q Mart, Kuala Terengganu, semalam. (Foto BERNAMA)

Kuala Terengganu: Bekalan beras putih tempatan bersubsidi pada harga RM26 bagi pek 10 kilogram (kg) mula memasuki pasaran Terengganu apabila dua cawangan kedai runcit menerima penghantaran pertama semalam.

Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras (KPB) negeri, Ahmad Suffian Zulkipeli, berkata kedai runcit Q Mart Merbau Patah dan Q Mart Bukit Bayas, di sini masing-masing menerima 50 dan 30 kampil beras mengikut pesanan pembelian yang dibuat.

"Penghantaran ini ikut kepada berapa pesanan yang dibuat kedai runcit atau pasar raya. Di Terengganu, hari ini (semalam) hanya dua kedai runcit ini yang terima penghantaran sebab mereka telah buat PO (pesanan pembelian) lebih awal.

"Penghantaran akan dibuat secara berperingkat sebab prog-

ram ini baru bermula semalam (kelmarin). Jadi, ia mungkin dalam proses penghantaran untuk pesanan. Ada juga pemborong yang cuti sebab mereka dari luar seperti Selangor, Kuala Lumpur dan Johor, manakala Terengganu tiada pemborong," katanya, semalam.

Pada kuota ditetapkan

Ahmad Suffian berkata, setakat ini tiada kuota ditetapkan untuk setiap peniaga dalam membuat pesanan, sebaliknya ia bergantung kepada kemampuan kewangan masing-masing.

Beliau berkata, pihaknya akan memantau setiap proses penghantaran di seluruh Terengganu bagi memastikan jumlah yang dihantar sama dengan pesanan yang dibuat sebelum melaporkannya kepada ibu pejabat di Putrajaya.

"KPB juga akan buat pemerik-

saan untuk pastikan peniaga pameran tanda harga jualan. Kita juga akan lihat kepada peniaga peniaga untuk menjual pada harga yang ditetapkan. Kalau berlaku pelanggaran, tindakan boleh diambil mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522)," katanya.

Beliau turut meminta pengusaha kedai runcit supaya menjual dua kampil sahaja bagi setiap individu seperti ditetapkan bagi mengelakkan salah guna terutama daripada kalangan peniaga kedai makan yang berkemungkinan membeli dalam kuantiti yang banyak bagi tujuan perniagaan.

Sementara itu, Roziah Md Noor, 55, dari Kampung Wakaf Mempelam, di sini berkata, jualan beras pada harga terabit amat membantunya dalam menjimatkan perbelanjaan barangan

3/3/2025

BERITA HARIAN

NASIONAL

5

Isu campur beras putih tempatan, import

'Tiba masa kerajaan' tubuh entiti baharu'

Penguat kuasa wajib batal, beri amaran tanpa kompromi terhadap kilang campur beras

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
bhneww@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan disaran menubuhkan entiti baharu bagi mengatasi isu beras putih tempatan yang dicampur dengan beras putih import seperti ditunjukkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) baru-baru ini.

Presiden Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (BARIM), Ismail Awang, berkata isu itu tidak sepatutnya berlaku jika agensi penguat kuasa bertanggungjawab terhadap prosedur operasi standard (SOP) masing-masing.

"Dalam isu pembekal utama beras negara, ia sudah tidak wajar lagi diberikan peranan kerana beras adalah makanan utama negara yang dikategorikan sebagai keselamatan makanan.

"Ini bermakna, penswastan LEMBAGA PADI dan Beras Negara

(LPN) kepada Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) adalah satu kegagalan serta kesilapan besar yang terlanjur," katanya dihubungi, semalam.

Ismail berkata, kegagalan itu terbukti apabila penswastan terbahit banyak 'membunuh' pemain industri padi beras terutama Bumiputera.

"Ia merangkumi perniagaan rantaian serta rangkaian industri padi beras megalami penutupan dan yang terbaharu, kilang padi beras Debook di Perlis bakal ditutup.

"Sudah tiba masanya kerajaan menubuhkan entiti baharu yang boleh dikenali sebagai Majlis Padi dan Beras Negara (Mapen)," katanya.

Tindakan perlu secara ad-hoc

Beliau berkata, kerajaan terutama bahagian penguat kuasa, wajib membatalkan atau memberi amaran kepada kilang padi, beras atau kilang pengampit beras yang didapati mencampur beras import, tanpa kompromi.

"Tindakan ini sepatutnya dijalankan secara ad-hoc tanpa mengira sama ada pihak terbahit adalah anak syarikat BERNAS atau kartel besar sekalipun.

"Jika didapati mana-mana pihak yang melanggar peraturan,

maka wajib dikenakan tindakan undang-undang," katanya.

Beliau berkata, bahagian penguat kuasa tidak boleh ada *double standard* dalam isu ini kerana apa yang salah tetap salah dan wajib diambil tindakan.


"Dengan cara ini sahaja, baru kita boleh nampak keberkesanan penguatkuasaan itu.

"Jika terdapat golongan tertentu termasuk kakitangan kerajaan yang terbahit dalam isu ini, mereka juga wajib dikenakan tindakan termasuk dakwa di mahkamah," katanya.

Terdahulu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mendapati tiada peruntukan dan perundangan subsidiari berhubung pendakwaan dalam kesalahan mencampurkan beras putih tempatan dan beras putih import.

KPKM pada kenyataannya memaklumkan bahawa tiada peruntukan dalam Akta Kawalan Padi Beras 1994 (AKTA 522) yang membolehkan dikenakan tindakan undang-undang berhubung perbuatan berkenaan.

Sebelum ini, media melaporkan, kira-kira 40 hingga 50 peratus beras putih import dari pada 5,000 sampai, yang dianalisis MARDI disahkan bercampur dengan beras putih tempatan.



Kenaikan harga santan menyebabkan harga lemak naik. (Foto fail NSTP)

Lemang naik harga akibat santan mahal

Kuala Krai: Seramai 40 peniaga lemak di Kampung Lepan Jenut, Manek Urai, di sini, terpaksa menaikkan harga jualan sejak dua bulan lalu disebabkan harga santan yang semakin meningkat.

Mereka mendakwa, jika sebelum ini harga yang dijual RM15 untuk tiga batang, namun kini terpaksa dinaikkan kepada RM20.

Peniaga, Sharifawati Yaacob, 48, berkata sebelum ini dia dan peniaga lain menjual lemak dengan harga RM15 untuk tiga batang sejak 2023 lagi.

"Namun, disebabkan harga santan yang naik mendadak menyebabkan kami terpaksa menaikkan harga bagi mengelak kerugian.

"Ini kerana untuk menghasilkan lemak perlu menggunakan santan yang banyak dan kita berharap pembeli mema-

hami kenapa kami terpaksa menaikkan harga.

"Susulan kenaikan harga sejak dua bulan lalu, ada yang pertikai namun ramai pembeli yang memahami kenapa kami berbuat sedemikian," katanya ketika dihubungi.

Bagaumapun katanya, sambutan terhadap jualan lemak masih lagi menggalakkan dan meningkat menjelang Aidilfitri.

"Biasanya awal Ramadan memang kurang sambutan, namun memasuki dua minggu Ramadan dan jualan semakin rancak sehingga beberapa hari sebelum Aidilfitri.

"Ramadan tahun lalu, 2,000 batang lemak dijual setiap hari bermula dua hari sebelum Aidilfitri. Saya berharap, situasi sama juga untuk Ramadan kali ini," katanya.

3/3/2025

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

8

Harga RM2.60 sekilogram sudah tidak relevan

Oleh FITRI NIZAM
fitri@utusan.com.my

PETALING JAYA: Kecelaruhan yang berlaku hari ini dalam industri beras putih tempatan (BPT) didakwa berpunca daripada harga siling RM2.60 sekilogram yang ditetapkan sejak 17 tahun lalu tidak pernah disemak.

Penetapan harga siling itu menyebabkan pasarananya tidak terbuka sedangkan kos pengeluaran padi meningkat lebih sekali ganda berbanding 2008.

Pengerusi Pertubuhan Pesawahan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, punca utama industri BPT tidak lagi harmoni pada masa kini adalah kerana harga ditetapkan sudah tidak relevan.

Katanya, ketika harga RM2.60 sekilogram ditetapkan, harga belian padi sudah ditinggalkan oleh pengeluar yang adalah sekitar RM900 ke RM1,100 per tan.

"Bagaimanapun, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, harga belian padi sudah dinaikkan dan terkini ditetapkan pada RM1,500 per tan, namun harga BPT di pasaran masih tidak berubah iaitu RM2.60 sekilogram.

"Apabila kerajaan memutuskan untuk mengkelakan harga BPT pada kadar RM2.60 sekilogram, ia menimbulkan kecelaruhan dalam industri ini sehingga bekalmunya terje-

Apabila kerajaan memutuskan untuk mengkelakan harga BPT pada kadar RM2.60 sekilogram, ia menimbulkan kecelaruhan dalam industri ini sehingga bekalmunya terjejas."

"Maka, berikualah isu mencampurkan BPT ke dalam kaitan beras import seterusnya mengkelakan bekalan BPT tiada di pasaran," katanya.

Terdahulu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mengesahkan, kira-kira 50 peratus beras import daripada 5,000 sampel dicampurkan dengan BPT.

Pegawai Penyelidik Kanan Biologi Sains (Genetik) Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi

MARDI, Mohd. Shahril Firdaus Ab Razali berkata, kajian menggunakan teknologi pencaparian asid deoksiribonukleik (DNA) beras itu dijalankan sepanjang 2023 dan 2024.

Abdul Rashid berkata, Pesawah tidak menuding jari kepada mana-mana pihak, sebaliknya melihat sedemikian kerana terbit secara langsung dengan pengilang, pemborong dan peruci.

Katanya, penetapan harga RM2.60 sekilogram itu juga dilihat sebagai mengongkong industri beras sehingga memaksa sesetengah pihak menggunakan kelompokan yang ada dalam undang-undang untuk mengaut keuntungan.

"Tiada kebebasan diberikan dalam industri ini yang menyebabkan pemain industri tidak boleh menentukan harga berdasarkan kos dikeluarkan.

"Maka, berikualah isu mencampurkan BPT ke dalam kaitan beras import seterusnya mengkelakan bekalan BPT tiada di pasaran," katanya.

Perlis mampu lonjak hasil padi hingga 30 peratus semusim

KANGAR: Perlis mampu meningkatkan hasil sehingga 30 peratus semusim melalui projek penanaman padi lima kali dua tahun yang dilaksanakan di enam lokasi membabitkan keluasan 4,957 hektar di negeri ini.

Jika ia direalisasikan, Perlis juga dapat menyumbang lebih 15 peratus kepada pengeluaran beras negara berbanding ketika ini hanya sekitar 11 peratus.

Kira-kira 17,000 pesawah di Perlis pada masa ini yang mengusahakan tanaman di kawasan seluas 30,000 hektar dalam dan luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), hanya mampu menjana hasil sekitar 135,000 tan metrik semusim.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, untuk projek bagi fasa awal, sebanyak enam kawasan terbit di Perlis iaitu Guar Sanji, Tambun Tulang, Simpang Empat serta tiga lagi lokasi di Kayang melibatkan 2,833 peserta.

Katanya, selain prasarana yang bakal disediakan oleh kerajaan, pesawah juga perlu mengambil kira soal pengurusan benih berkuliti, faktor tanah dan disiplin tanaman dengan mengikut jadual penanaman sebetulnya bagi meningkatkan hasil tersebut.

"Ketika ini, hasil rata-rata pesawah di Perlis hanya sekitar lima tan per hektar dan sasaran kita peningkatan hasil sehingga 10 tan metrik melalui projek berkenaan.

"Jika projek ini berjalan dengan lancar, insya-Allah hasil tanaman padi akan meningkat dan dapat memenuhi keperluan beras negara.

"Namun, kita juga perlu memberi perhatian kepada penyediaan benih padi berkualiti dan memberi perhatian serius kepada masalah tanah jerlus di beberapa kawasan," katanya kepada Utusan Malaysia.



RAZALI SAAD

Kerajaan memperuntukkan RM5.4 bilion bagi meningkatkan penghasilan padi negara dengan fokus kepada pembangunan infrastruktur termasuk bagi merealisasikan penanaman lima kali dua tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebanyak RMI billion akan disalurkan pada tahun ini bagi menajayakan projek membabitkan beberapa fasa itu seperti yang diumumkan pada Belanjaan Madani tahun lalu.

Proses pengedaran beras tersebut dilakukan secara berperingkat bermula Ahad

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Beras putih tempatan (BPT) bersubsidi (10 kilogram) mula diedarkan di Terengganu pada Ahad dan proses tersebut dijalankan secara berperingkat.

Pengarah Negeri Kawal Selia Padi dan Beras Terengganu, Ahmad Suffian Zulkipeli berkata, setakat ini hanya QMart menjadi peruncit pertama yang menerima bekalan tersebut.

"QMart telah membuat pesanan belian (PO) dan proses penghantaran beras itu telah bermula pada hari ini (Ahad) manakala peruncit lain seperti pasar raya Giant dan Mydin masih dalam proses permohonan.

"Pemborong dari luar seperti Selangor, Kuala Lumpur dan Johor mengambil masa sedikit untuk penghantaran kerana ada yang masih bercuti. Namun, kami yakin lebih banyak pesanan

akan diterima dalam masa terdekat," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Tambahnya, pemantauan rapi dilakukan bagi memastikan bekalan 24 juta pek beras subsidi sampai ke seluruh Semenanjung Malaysia, termasuk di Terengganu.

"Hari ini penghantaran beras subsidi dari Jasmine sudah tiba di Terengganu, manakala pada Selasa dijangka penghantaran daripada Cap Rambutan dan Cap Saga pula. Bekalan beras ini akan diedarkan ke pasar raya dan kedai runcit secara berperingkat," katanya.

Menurut Ahmad Suffian, pihaknya juga memastikan setiap penghantaran mematuhi pesanan dan beras dijual pada

harga kawalan RM26 sebungkus.

"Peniaga perlu pastikan harga beras subsidi ini dipamerkan dengan jelas. Kami akan sentiasa memantau perkara ini dan tindakan tegas akan diambil jika terdapat pelanggaran di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522)," ujarnya.

Beliau menyarankan supaya setiap pembeli hanya membeli maksimum dua kampil beras bagi memastikan bekalan mencukupi selain melaporkan sebarang ketidakpatuhan berkaitan harga dan bekalan beras subsidi kepada pihak berkuasa.

Sementara itu, tinjauan *Sinar Harian* mendapati sebanyak 50 kampil beras bagi penghantaran pertama tiba di QMart cawangan Merbau Patah, di sini sekitar

Bekalan beras subsidi mula tiba di Terengganu



Raziah merupakan antara pelanggan terawal mendapatkan beras putih tempatan di cawangan QMart Merbau Patah, di Kuala Terengganu pada Ahad.

jam 11 pagi.

Menurut seorang pembeli, Raziah Md Noor, 55, dia bersyukur kerana dapat membeli beras tersebut untuk diinfakkan

kepada sebuah pusat tahfiz.

"Dengan adanya beras pada harga rendah ini amat berbaloi sangat sebab harga barang meningkat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2025	NST	NEWS	7

SUPPLY DELAY

Subsidised white rice available in Terengganu

KUALA TERENGGANU: Terengganu has received 10kg bags of subsidised local white rice priced at RM26 each.

State Padi and Rice Regulatory Department director Ahmad Suffian Zulkipeli said the first shipment was delivered to two retail outlets — Q Mart Merbau Patah (50 bags) and Q Mart Bukit Bayas (30 bags).

“The deliveries are based on the quantities ordered by the retailers.

“Only these two stores received the rice today, as they placed their orders earlier,” he said.

Distribution would continue in stages following the programme’s official start on Saturday, he added.

“Deliveries are ongoing, with some wholesalers on holiday, as they are from places like Selangor, Kuala Lumpur and Johor. Terengganu does not have any wholesalers,” said Suffian.

He said there was no limit for the number bags retailers could order.

Suffian said the department would monitor deliveries to ensure they matched orders and would make reports to Putrajaya.

Inspections will also be conducted to ensure correct price tags are displayed and compliance with pricing regulations.

Violations are punishable under the Control of Padi and Rice Act 1994.

He urged retailers to limit sales to two 10kg bags per customer to prevent bulk buying by food stall operators.

Trader Roziah Md Noor, 55, welcomed the supply of affordable rice, as she had previously paid up to RM38 for imported rice.

“This price will ease the burden for larger households,” she said, hoping the sale would continue.

The government had announced last Tuesday that retailers would sell 10kg bags of subsidised rice for RM26 from March 1 to Aug 31. However it was reported no such rice was available in Terengganu on Saturday. **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2025	THE STAR	NATION	4



Good eats ahead

A shopper holding a bag of local white rice at a grocery store in Kuala Terengganu. 10kg packs of subsidised local white rice at RM26 became available in Kuala Terengganu with two grocery store branches in Merbau Patah and Bukit Bayas receiving the first deliveries yesterday. — Bernama

Regional cooperation to brace for rice supply uncertainty

PHNOM PENH: Climate change poses a growing threat to Malaysia's food security, with erratic weather patterns and rising temperatures disrupting global agriculture.

As domestic food production faces increasing risks, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (*pic*) cautioned that Malaysia and the region remain vulnerable to climate change threats, emphasising the need for regional collaboration to address potential food shortages.



"We have enough stock of rice for at least six months. But we don't know what will happen because of climate change, so food security is important.

"We have to work with other countries in the region to safeguard our food security. Our padi production was 71% before, but now it is only 56%.

"About 20,000ha of padi land have been converted for housing projects, and our younger generation refuses to work in the rice fields due to low income," he said, Bernama reported.

Mohamad Sabu made a two-day visit to Cambodia at the end of February to hold discussions with his counterpart, Minister of Agriculture, Forestry, and Fisheries, Dith Tina.

The main topics that surfaced during the discussion were food security, rice imports (mainly fragrant rice), aquaculture, fisheries and agriculture sector cooperation.

Cambodia's rice exports totalled 651,522 tonnes last year. Over 100,000 metric tonnes went to China, while Asean countries procured nearly 130,000 metric tonnes.

It exports a variety of rice, including fragrant rice, white grains, parboiled rice and organic rice. The "Sen Kro Ob" fragrance long-grain rice variety is renowned worldwide.

Malaysia imports about 50,000 metric tonnes of fragrant rice from Cambodia, contributing to the 30%, or 700,000 metric tonnes, of rice imports needed to meet the country's national consumption of nearly 2.5 million metric tonnes.

Geopolitical challenges, uncertain export policies of rice producers and erratic weather conditions could quickly disrupt supply in the international market, thereby impacting importing countries.

Mohamad Sabu said Malaysia and Cambodia did not sign any agreements during his recent trip but discussed rice production extensively as the kingdom produces five times more rice than Malaysia.

"Cambodia has plenty of padi farms and produces quality rice for exports. Perhaps, we could buy more in the future if needed," said the minister.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2025	THE STAR	NATION	9

Eggs aplenty, but they can be costly for many

By **ZAKIAH KOYA**

zakiah@thestar.com.my

SUBANG: The demand for eggs is always high during Ramadan and Hari Raya, as it is a key ingredient for biscuits, cakes and kuih.

Often, there is a shortage of eggs during this season, but the government subsidy programme has ensured normal supply of eggs.

“The supply of eggs is better than last year, although we expect there will be a shortage due to high demand,” said Datuk Ameer Ali Mydin, managing director of wholesale and retail chain outlet Mydin.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said he does not expect any profiteering from those selling eggs as it is a controlled item.

“Eggs of Grade AA, A, B and C are controlled food items with fixed prices,” said Armizan.

Chia Seong Pow, chief operating officer of QL Resources Bhd, one of Malaysia’s leading chicken egg producers, said the supply of eggs was normal thanks to the government’s subsidy programme.

In 2024, the government announced the subsidy of 10sen per egg while in 2023, it allocated RM927mil for egg subsidies alone.

“Currently, the supply is normal. The farms have ensured that there will be enough supply for Ramadan and Hari Raya.

“There could be a shortage for certain grades if there is a sudden surge in demand.

“The supply of Grade AA and Grade A eggs is lower compared to Grade B and C.

“The most popular eggs for making cakes and biscuits are Grade B and C – these we have ample supply,” he said.

Consumers, however, say that prices are still high.

Factory operator Nurul Nazirah Zulfakar, 31, said the increased prices of food items make her wary when going for grocery shopping.

“I earn RM1,700 monthly and I can see that eggs are expensive in the cities. I come from Batang Kali, where the eggs can be cheaper as they are not farm eggs.

“The cheapest egg tray here in Subang is RM15 and I share two trays with my hostel mates each month.

“I avoid buying kampung eggs as they are very expensive,” said Nurul Nazirah.

Jannah Amin said the price of eggs in Sabah has risen higher compared to the peninsula.

“In Kuala Lumpur, the price of Grade AA eggs is only RM16.80 per tray, for A it is RM12.60, Grade B (RM12) and Grade C is RM11.40. So far, there seems to be ample supply everywhere.

“In Sabah, even Grade B eggs cost RM13.80 per tray and Grade AA can go up to RM19.60. Also, there seems to be low supply.

“I hope the authorities will check and make eggs affordable in Sabah,” said Jannah.

The government is considering removing egg subsidies once supply stabilises.



Satu tan ikan bandaraya ditangkap dalam sejam

Populasi ikan asing semakin kuasai sungai, ancam ekosistem air tawar

Oleh Azhar Shahrulizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kira-kira satu tan ikan bandaraya atau nama saintifiknya *Hypostomus plecostomus* mampu ditangkap dalam tempoh hanya sejam, dengan menggunakan empat jala.

Perkara itu dikongsi Pengasas Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya (KPIB) dan Skuad Pemburu Ikan Asing (SPIA), Mohamad Haziq A Rahman, sekali gus membuktikan populasi ikan asing yang menimbulkan ancaman besar kepada ekosistem air tawar itu semakin menguasai sungai negara.

"Kalau kawasan itu belum pernah kami pergi, bilangan ikan bandaraya di situ boleh dikatakan infiniti atau tiada had."

"Bayangkan dengan operasi selama sejam menggunakan hanya empat jala, kami mampu menangkap sehingga satu tan ikan bandaraya," katanya ketika dihubungi.

Berdasarkan rekod, SPIA membasmi 36 tan ikan bandaraya sepanjang tahun lalu berdasarkan inventori diserahkan kepada Jabatan Perikanan. Mengambil kira populasi

ikan asing itu yang semakin meningkat, Mohamad Haziq berkata, operasi membasmi ikan bandaraya akan lebih dipergiatkan tahun ini.

"Setakat ini, tiga tan ikan bandaraya direkodkan sehingga Februari. Kami menyasarkan tangkapan lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya dengan memperluaskan operasi ke lokasi baharu yang belum diterokai."

"Selain ikan bandaraya, kerjasama dengan Jabatan Perikanan turut diperluas bagi membasmi spesies ikan asing lain seperti 'peacock bass' atau dikenali ikan raja.

"Namun, tumpuan utama masih kepada ikan bandaraya kerana kesan dominannya terhadap ekosistem. Spesies keli Afrika turut termasuk dalam operasi, tetapi tidak dalam skala besar seperti ikan bandaraya," katanya.

Ada di kawasan air terjun

Berkongsi kebimbangan mengenai ikan bandaraya, Mohamad Haziq berkata, dapatan terbaru pihaknya di Sungai Buloh mendapati spesies itu yang sebelum ini hanya membiak di sungai tercemar, kini turut ditemui di kawasan air terjun serta sungai jernih yang berpasir.

"Impak kepada manusia adalah satu masa nanti kita tidak akan dapat jumpa spesies ikan lain di perairan air tawar."

"Populasi ikan ini juga mungkin boleh menyebabkan kemalangan jiwa kerana tebing sungai terhakis dan runtuh disebabkan spesies ini. Apabila runtuh berlaku banjir, rumah

yang berada di tebing juga boleh runtuh," katanya.

Sepanjang tahun lalu, katanya SPIA menjalankan operasi membasmi ikan itu di Perairan Sungai Langat, Sungai Klang dan anak Sungai Kuyoh.

"Walaupun tangkapan 36 tan direkodkan, kita percaya jika ada lebih banyak tenaga kerja bilangan ikan bandaraya berjaya dibasmi akan lebih tinggi."

"Di Selangor dan Kuala Lumpur, lokasi baharu ditemui adalah sekitar Semenyih dan Ka-

jang," katanya.

Mengulas ancaman kepada ekosistem air tawar, katanya ikan bandaraya meskipun bukan spesies pemangsa memiliki sifat pembiakan yang agresif tanpa musim tertentu.

Justeru, beliau mengakui usaha menghapuskan ikan bandaraya seakan hampir mustahil kerana berlaku lambakan spesies itu di perairan air tawar negara.

"Walaupun ada pasukan bersama saya, ia masih belum men-

Impak kepada manusia adalah satu masa nanti kita tidak akan dapat jumpa spesies ikan lain di perairan air tawar. Populasi ikan ini juga mungkin boleh menyebabkan kemalangan jiwa kerana tebing sungai terhakis dan runtuh disebabkan spesies ini. Apabila runtuh berlaku banjir, rumah yang berada di tebing juga boleh runtuh


Mohamad Haziq A Rahman, Pengasas KPIB dan SPIA



cukupi kerana kami hanya boleh buat di tempat berdekatan kami, sedangkan ikan bandaraya ada di seluruh Semenanjung kecuali negeri di Pantai Timur.

"Kelantan dan Terengganu sahaja yang kami belum ada rekod. Kami buat ini tanpa dibayar dan sukarela mungkin daripada situ ramai kurang berminat untuk berbuat perkara sama."

"Kalau ada gerakan yang boleh buat serentak seperti kami di negeri lain, tidak mustahil ikan itu pupus," katanya.



Skuad Pemburu Ikan Asing menjalankan operasi tangkapan ikan bandaraya di Sungai Buloh minggu lalu.

(Foto Mohamad Haziq A Rahman/BH)

3/3/2025

SINAR

BISNES

31

HARIAN

Mohd Fauzi menghasilkan hampir 1,000 cawan yoghurt sebulan dengan pendapatan kira-kira RM3,000

Oleh NOR AZURA MD AMIN
PONTIAN

Tertarik untuk memajukan produk berasaskan kelapa, Mohd Fauzi Md Saifuddin mengahibiskan masa untuk belajar di bidang kejuruteraan telekomunikasi di Kuala Lumpur kepada pertalian kira-kira tiga tahun lalu. Anak jati Benut itu memilih untuk menghasilkan yoghurt dan minyak kelapa sebagai produk utama daripada ladang kelapa sebagai pengeksploitasi di Kampung Pauh, Mukoh, Benut.

"Dunia telekomunikasi memang mencabar, tetapi saya sentiasa percaya pada potensi bidang pertanian dan pemprosesan makanan," kata Fauzi. "Tiga tahun lalu, sewaktu saya pulang ke kampung tanpa kelapa di ladang sekitar 35 sen sebilu. Saya sedar kelapa adalah komoditi yang sangat bernilai. Jika diusahakan dengan betul, ia mampu memberi pulangan yang lumayan."

Mohd Fauzi kini giat menghasilkan yoghurt berasaskan santan yang mendapat permintaan tinggi, terutama dalam kalangan pelanggan vegetarian. "Saya dibantu isteri, Amrah Abdul Rahim, 35, menghasilkan hampir 1,000 cawan yoghurt setiap hari dengan menggunakan kira-kira RM3,000. "Bagaimanapun, cabaran utama yang kami hadapi adalah kekurangan peralatan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran. "Sejak ket ini, semua dilakukan secara manual jadi kami terpaksa menerima permintaan yang semakin meningkat," tambahnya.

“

Dunia telekomunikasi memang mencabar, tetapi saya sentiasa percaya pada potensi bidang pertanian dan pemprosesan makanan.”

- Mohd Fauzi



BISMES Rakyat

Proses pembuatan yang lama, hasil berkualiti
Menurut Fauzi, proses pembuatan yoghurt memerlukan masa selama empat hari, bergantung kepada jenis bakteria yang ditambah dan memerahkannya. "Tapi, sebelum ini, saya tampa sebelum dimasak pada suhu 80 darjah Celsius bagi membunuh bakteria berbahaya."

"Santan yang telah dimasak ke dalam bekas stainless steel dan dipukul dengan pengadun hingga mencapai suhu 40 darjah Celsius ditambah dengan kultur probiotik dan diperam selama kira-kira 15 jam."

"Hasilnya akan menjadi pekat dan manis seperti yoghurt biasa. Kami kemudiannya menyajikannya dalam peli ais atau sebagai pencuci mulut. "Saya juga membuat perisa menggunakan part bar selulosa, gula, vanila, buabek, kawi dan manis," katanya lagi. Selain yoghurt, Fauzi berfikir, beliau turut mengusahakan minyak kelapa yang melalui proses pemanasan selama tiga hingga empat hari bagi mendapatkan minyak kelapa yang berkualiti tinggi. "Minyak kelapa ini boleh digunakan untuk pelbagai tujuan termasuk sebagai

Hasilkan produk berasaskan kelapa



Fauzi (kiri) bersama isteri, Amrah, memunjukkan yoghurt kelapa hasil air tangam mereka yang kini mendapat sambutan tinggi daripada pelanggan.

minyak urut dan bahan dalam produk ke-
cuali. "Kami juga tidak semua perancang-
annya berjalan lancar kerana pernah ber-
depan kegagalan beberapa kali sebelum
berjaya mendapatkan hasil yoghurt yang
memuaskan."

"Saya belajar melalui video dalam
YouTube dan banyak bertanya kepada
kami mengenai kelapa tin, sedangkan di sini
gunakan kelapa tin, sedangkan di sini
kami menggunakan kelapa segar."

"Jadi kami terpaksa mencuba dan
menguibahual kaedah beberapa kali se-
belum akhirnya berjaya menghasilkan
produk yang berkualiti," katanya. "Pam-
berhasilan ini adalah kerana kami mem-
bercasajikan. Fauzi kini merancang
untuk memperbesarkan operasi dengan
mendapatkan peralatan yang lebih moden
bagi meningkatkan produktiviti."

"Saya juga bercadang untuk meng-
hasilkan gula-gula kelapa sebagai produk
lain. "Selain memenuhi permintaan pas-
aran, ia juga membantu memalibagikan
kegunaan kelapa yang kami tanam
sendiri," katanya.

Selain menjual produk secara dalam
balan dan mengantar produk yoghurt ke
kedai-kedai di sekitar Benut, Fauzi dan
Amrah juga menjual produk mereka
dengan bekerjasama dengan kedai-kedai
tempatan dan pasar raya.

"Saya percaya dengan inovasi dan
kesabaran, industri ini mampu ber-
kembang dan memberi manfaat bukan
hanya kepada diri sendiri, tetapi kepada
masyarakat setempat," katanya.



Menghasilkan yoghurt kelapa memerlukan ketelentayan dan sabar perlu sentiasa ditunjukkan.



Kelapa merupakan komoditi yang sangat bernilai. Ia diusahakan menjadi produk makanan dan minuman.